

CNS1741
U GB 22-06 00214 BA402
aab

Mahathir-Hubungan
daripada Abdul Rahman Sulaiman

SANTIAGO, 22 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Chile bersetuju untuk meningkatkan hubungan perdagangan bukan sahaja secara dua hala malahan melibatkan rantau Asia Tenggara dan Asia Timur dengan negara-negara Amerika Latin.

Persefahaman ini dicapai selepas beberapa siri rundingan antara para pemimpin, pegawai dan peniaga Malaysia dengan rakan-rakan mereka dari Chile di sini sejak dua hari lepas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu persidangan akhbar hari ini di sini bahawa beliau gembira dengan sambutan Chile terhadap usaha Malaysia untuk menggalakkan perdagangan bebas antara negara-negara membangun dalam rangka kerjasama Selatan-Selatan.

Perdana Menteri berkata pihak berkenaan Chile bukan sahaja memperkatakan mengenai usaha Malaysia itu malahan mereka terus bertindak untuk melaksanakannya.

Ini, katanya, terbukti dengan termeterainya beberapa perjanjian antara kedua-dua pihak yang dapat memudahkan perdagangan dan menggalakkan interaksi yang lebih baik antara peniaga kedua-dua negara.

Lima perjanjian seumpamanya itu sudah di tandatanyani. Ianya adalah perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal, perjanjian perdagangan, perjanjian kredit dan pembayaran timbal balik, Memorandum Persefahaman mengenai penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Chile dan perjanjian usahasama bayi penubuhan sebuah kilang mengeluarkan kasut keselamatan perindustrian di Malaysia.

Empat daripada perjanjian itu melibatkan agensi-agensi kerajaan kedua-dua negara dan yang kelima antara peniaga Malaysia dan Chile. -- lagi

CNS1745
U GB 22-06 00193 BA403
aab

Mahathir-Hubungan 2 Santiago

Perjanjian perdagangan itu antara lain memerlukan kedua-dua negara, sebagai anggota GATT, untuk memberi keistimewaan berhubung dengan duti kastam dan sebarang bentuk bayaran, peraturan, tatacara dan bayaran berhubung dengan pelepasan kastam dan semua cukai setempat atau bayaran-bayaran antarabangsa lain yang dikenakan atau berhubung dengan keluaran import atau eksport.

Perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal pula untuk mengenalpasti program-program dan projek ekonomi, saintifik dan teknikal yang melibatkan penyertaan pertubuhan sektor awam dan swasta di kedua-dua negara.

Dibawah perjanjian kredit dan pembayaran timbal balik, yang ditandatangani oleh Bank Negara dan bank pusat Chile, Banco de Chile, peniaga dari kedua-dua negara tidak lagi akan menghadapi masalah berkaitan dengan bayaran dan kredit untuk barangan yang dibeli antara kedua-dua negara kerana bank pusat masing-masing bersedia menjadi penjamin bagi pembelian itu.

Perdana Menteri, yang kinipada hari ketiga lawatan rasmi lima hari ke Chile, berkata memandangkan sambutan yang baik dari rakyat Chile, Malaysia kini bersedia menimbang penubuhan perwakilan tetapnya di sini.

Pada masa ini, Chile menempatkan perwakilannya di Kuala Lumpur manakala kepentingan Malaysia di Chile dikendalikan oleh kedutaannya di Argentina. -- lagi

♥22/06/16-09MST

U GB 22-06 00203 BA405

bah

Mahathir-Hubungan 3 Santiago

Sejak dua hari lepas, Perdana Menteri mengadakan perbincangan secara rasmi dan tidak rasmi dengan Presiden Chile, Patricio Aylwin and berucap kepada peniaga dan penggubal dasar di sini.

Pada setiap perjumpaan itu, beliau telah menegaskan hasrat Malaysia untuk menggalakkan hubungan perdagangan yang lebih baik antara negara-negara Selatan bagi faedah bersama.

Malaysia juga berhasrat menggunakan Chile sebagai batu loncatan untuk memasuki pasaran Amerika Latin dan menawarkan dirinya bagi pintu masuk barangan Amerika Selatan ke negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur.

Sementara itu, menteri-menteri yang mengiringi Perdana Menteri, turut mengadakan rundingan dengan rakan-rakan sejawatan mereka dari Chile.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang menemui rakan sejawatannya, Enrique Silva Cimma, berkata Malaysia bersedia memberi apa jua bantuan kepada Chile dalam membanteras pengedaran najis dadah di Chile.

Katanya, walaupun Chile bukannya sebuah negara pengeluar najis dadah, pengedaran dadah kini menjadi masalah yang meningkat memandangkan kedudukannya bersempadan dengan Bolivia dan Peru.

Datuk Abdullah berkata Malaysia juga bersetuju untuk menyokong usaha Chile untuk menyertai semula Pergerakan Berkecuali yang ditinggalkannya sejak 1973 selepas negara itu dikuasai oleh tentera dan tuduhan-tuduhan daripada pertubuhan itu bahawa penindasan hak-hak manusia berleluasa di Chile.
-- Lagi

♥22/06/16-25MST

U GB 22-06 00124 BA406

aab

Mahathir-Hubungan 4 Santiago

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang turut mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, berkata kedua-dua negara bersetuju pada dasarnya untuk mengadakan hubungan udara dan laut bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

Mengenai hubungan udara, kedua-dua negara bersetuju untuk memberi hak mendarat tanpa had berhubung dengan kebebasan pendaratan ketiga dan keempat.

Bagaimanapun, lebih banyak rundingan perlu diadakan di peringkat pegawai dalam menentukan hak-hak sewajarnya pendaratan kelima dan destinasi selepasnya.

Mengenai perkapalan pula, menteri itu berkata semua perkara berkaitan dengan kemudahan pelabuhan dan keselamatan anak-anak kapal turut dibincangkan.

Kedua-dua pihak bersetuju bagi mewujudkan secepat mungkin sebuah jawatankuasa bersama sementara untuk mengadakan perhubungan secara rasmi itu, tambahnya lagi. -- Rernama

♥22/06/16-40MST